SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 3 Bab 2 Pentadbiran Negeri-Negeri Selat + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 2 : PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

BAHAGIAN A

1. Jadual berikut berkaitan dengan kewujudan pelabuhan di negara kita.

Pelabuhan	Pernyataan
X	Pelabuhan awal yang dibuka di Pulau Pinang.

Apakah pelabuhan X tersebut ?

A Batu Upih

B Batu Uban

C Pantai Batam

D Pantai Acheh

2. Lokasi berikut pernah berada di bawah pentadbiran Temenggung Abdul Rahman ?

Singapura

Apakah tanaman yang diusahakan ketika itu ?

A Padi

B Kelapa

C Gambir

D Lada hitam

3. Apakah peranan Melaka semasa berada di bawah pentadbiran Belanda?

A Pusat pengumpulan hasil laut

B Pusat pengumpulan hasil hutan

C Pusat pengumpulan bijih timah

D Pusat pengumpulan rempah ratus

4. Mengapakah SHTI enggan membantu Sultan Abdullah apabila Kedah diancam Siam?

A Tiada perjanjian ditandatangani

B Tidak mahu menentang Siam

C Menyokong tindakan Francis Light

D Merancang untuk menghapuskan Kedah

5. Mengapakah British berminat untuk mendapatkan Seberang Perai ?

I Mengawal kuasa sultan

II Menjadi benteng pertahanan

III Memerlukan tanah pertanian

IV Menyebarkan agama Kristian

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

6. Bagaimanakah British berjaya menduduki Pulau Pinang ?

A Membuat pajakan

B Melalui tipu helah

C Pakatan dengan Bugis

D Perjanjian dengan pembesar Kedah

7. Jadual yang berikut berkaitan dengan perang di Eropah.

Tahun	1793 – 1814
Perang	Perang Napoleon

Apakah kesan perang tersebut terhadap negara kita ?

I Pembentukan Negeri-negeri Selat

II Pendudukan British keatas Singapura

III Menyebabkan rakyat hidup senang dan mewah

IV Menyebabkan negara menjadi maju dan ekonomi berkembang

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8. Apakah peristiwa yang di manipulasikan oleh Stamford Raffles untuk membolehkan beliau menduduki Singapura ?

A Kedudukan Singapura

B Kemerosotan Johor

C Kelemahan Belanda

D Perwarisan takhta Johor

9. Rajah yang berikut menunjukkan masalah yang wujud dalam Kesultanan Melayu ?

Kesultanan Melayu	Masalah
Kesultanan Perak	Perebutan takhta
Kesultanan Johor Riau	Pewarisan takhta

Apakah kesan daripada masalah tersebut terhadap Kesultanan Melayu ?

A Penjajahan Siam

B Pembahagian kuasa

C Kebangkitan rakyat

D Kehilangan wilayah ditadbir

10. Pada abad ke-19 timbul pertikaian yang menyebabkan hubungan antara British dengan Belanda di Alam Melayu semakin tegang.

Apakah sebab berlaku pertikaian tersebut ?

A Pendudukan British di Singapura

B Pemasalahan perairan Selat Sunda

C Krisis kewangan Belanda semakin sengit

D Kegagalan Belanda membanteras ancaman lanun

CADANGAN JAWAPAN

1.	B	11.	A
2.	C	12.	D
3.	C	13.	D
4.	A	14.	C
5.	C	15.	A
6.	B	16.	B
7.	A	17.	B
8.	D	18.	C
9.	D	19.	B
10.	A	20.	D

TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK** : Campur tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK** : 7.2 Pentadbiran Negeri-Negeri Selat	**SP**: 7.2.3 Membincangkan pembentukan Negeri-Negeri Selat K7.2.5 Kepentingan sifat berwaspada dalam membuat keputusan

3 Rajah berikut merupakan bendera Negeri-negeri Selat.



Bendera Negeri-negeri Selat

(Buku teks m.s 47)

(a) Senaraikan dua buah Negeri-negeri Selat

(i) ……

(ii) ……

(2 *markah*)

(b) Mengapakah British menubuhkan Negeri-negeri Selat?

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

(*c*) Jelaskan pengajaran yang anda peroleh kesan daripada strategi British membentuk Negeri-negeri Selat.

……..

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
3 (a)	Senaraikan dua buah negeri Selat	
	F1 Melaka	**1**
	F2 Pulau Pinang	**1**
	F3 Singapura	**1**
	Maks	**(2 Markah)**
3 (b)	Mengapakah British menubuhkan Negeri –Negeri Selat?	
	F1 Menjimatkan kos pentadbiran	
	F2 Menyeragamkan pentadbiran	**1**
	F3 Menguasai perdagangan di Selat Melaka	**1**
	F4 Menjadikan Negeri-Negeri Selat pusat pengumpulan hasil dari Alam Melayu	**1**
	F5 Menggalakkan pelaburan dari saudagar British	**1**
	Maks	**(4 Markah)**
3 (c)	Pengajaran yang anda peroleh daripada strategi British membentuk Negeri –Negeri Selat	
	F1 Mempertahankan keistimewaan yang ada di negara kita dari dicerobohi oleh orang asing	**1** **1**
	F2 Membentuk pentadbiran yang sistematik bagi melindungi kepentingan negara kita	**1** **1**
	F3 Melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif	**1**
	F4 Menguasai teknologi dan kemahiran yang baharu	**1**
	F5 Menguasai ilmu sains yang membangunkan negara	
	F6 Membentuk jati diri yang positif	
	(Mana-mana munasabah)	**(4 Markah)**
	Maks	**10 Markah**
	Jumlah	

BAB 2 : PETADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK 7 :** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.2** Pentadbiran Negeri-negeri Selat	**SP:** 7.2.1

1. (a) i. Jelaskan latar belakang Pulau Pinang sebelum peluasan kuasa British. (3 markah)

   ii. Terangkan latar belakang Singapura sebelum peluasan kuasa British. (3 markah)

   (b) Huraikan faktor-faktor peluasan kuasa British di Pulau Pinang (6 Markah)

   (c) Beri cadangan anda bagi memajukan sektor ekonomi negara? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK 7:** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.2 -** pentadbiran Negeri-negeri Selat	**SP:** 7.2.1 & 7.2.2

2. "Stamford Raffle dan William Farquhar telah menduduki Singapura. *(ms. 38)*

   (a) i. Nyatakan kepentingan Singapura kepada British. (3 markah)

   ii. Jelaskan strategi Stamford Raffles untuk menguasai Singapura (3 markah)

   (b) Bincangkan kesan perjanjian London terhadap Alam Melayu. (6 Markah)

   (c) Huraikan iktibar yang dipelajari daripada strategi peluasan kuasa barat ke negara kita. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.2 -** Pentadbiran Negeri-negeri Selat	**SP:** *7.2.3* & *7.2.4*

3. "Negeri Selat dibentuk pada tahun 1826 terdiri daripada gabungan negeri Pulau Pinang, Singapura dan Melaka" *(ms 47-49)*

   (a) Jelaskan kepentingan negeri-negeri Selat kepada pihak British. (6 Markah)

   (b) "Pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat dari Pejabat India ke pejabat Tanah Jajahan London' (6 Markah)

   Mengapakah pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat dilaksanakan?

   (c) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada penubuhan negeri-negeri Selat. (8 Markah)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar